



PP00002588

I00000 27984

PENGINDAHAN LANSKAP PERUMAHAN KOS RENDAH
'LOW RISE MEDIUM DENSITY' (LRMD)
DI SEKSYEN 17, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN



Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam

Oktober 1998

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

OKTOBER 1998

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang disediakan

Oleh


Haliza Binti Mohd Isa

Bertajuk


**Pengindahan Lanskap Perumahan Kos Rendah
'Low Rise Medium Density' (LRMD)
Di Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk
memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia :

 12/10/98 MUHAMMAD. YUSOFF BUHARI

Koordinator :

 12/11/98 MUHAMMAD. YUSOFF BUHARI

Ketua Kursus :

(Tandatangan)

(Nama)

PENGHARGAAN

Pengkaji merasa amat bersyukur ke hadhrad Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, pengkaji telah dapat menyempurnakan Kajian Akhir ini mengikut jadual. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia pengkaji, Encik Yusof Ismail, yang telah membimbing dan memberi tunjuk ajar dengan sabar kepada pengkaji. Pengetahuan yang diberikan oleh beliau amat bernilai kepada pengkaji dan akan dimanfaatkan pada masa akan datang. Rakaman ucapan terima kasih juga ditujukan kepada individu-individu dan organisasi-organisasi yang terlibat dalam membantu pengkaji, terutamanya En. Suhaili Yusof (Jabatan Lanskap Negara), Pn. Hasnah (Majlis Perbandaran Shah Alam) dan En. Osman Mohamad (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor). Penghargaan juga diberikan kepada suami dan anak pengkaji atas sokongan moral, bantuan kewangan dan doa dari mereka, demi menyempurnakan Kajian Akhir ini. Akhir sekali ribuan terima kasih kepada sahabat pengkaji, 'Sunny' dan 'Zue' atas bantuan yang telah diberikan kepada pengkaji pada peringkat awal kajian ini.

Semuga Allah membalas budi baik mereka.

Haliza Mohd Isa,
Dip.Perancangan Bandar & Wilayah,
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Oktober, 1998.

ABSTRAK

Jika memperkatakan keadaan persekitaran kawasan perumahan kos rendah, terbayanglah satu keadaan yang tidak teratur, sesak dan kurang kualiti dari segi kebersihan. Masalah keadaan persekitaran kawasan perumahan kos rendah yang kurang bermutu, tidak mendapat perhatian yang serius dari pihak yang berkenaan, terutama sekali dari pihak pemaju yang lebih mengutamakan kuantiti pembinaan daripada pengindahan persekitaran. Pengindahan persekitaran yang berkait rapat dengan lanskap telah mendapat perhatian kerajaan dan ini telah dibuktikan dengan penubuhan Jabatan Lanskap Negara yang berperanan menerajui pelaksanaan lanskap di seluruh negara.

Kajian ini menyentuh mengenai keadaan persekitaran kawasan perumahan kos rendah jenis 'Low Rise Medium Density' (LRMD) dari aspek pelaksanaan lanskap di Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji tahap penyediaan pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD bagi meningkatkan kualiti persekitaran serta pemeliharaan alam sekitar. Untuk menjayakan kajian ini, beberapa kaedah telah digunakan iaitu seperti menjalan kaji selidik di kawasan kajian, menemubual pihak-pihak yang berkaitan serta membuat rujukan di perpustakaan.

Dalam usaha meningkatkan mutu persekitaran perumahan bagi golongan berpendapatan rendah ini, pihak pemaju, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), telah beriniatif melaksanakan penanaman pokok-pokok dan penyediaan elemen-elemen penlanskapan di kawasan tersebut. Dari kajian kaji selidik yang telah dijalankan di kawasan kajian, beberapa kebaikan dan kelemahan kawasan kajian telah ditemui. Salah satu masalah utama yang didapati di kawasan kajian ialah masalah fizikal iaitu ketidakseimbangan di dalam rekabentuk lanskap disebabkan kepelbagaian unsur-unsur lanskap yang menjejaskan pandangan estetik dan keharmonian keadaan semulajadi.

Selain dari itu, terdapat juga masalah kekurangan penyediaan dan penyelenggaraan elemen-elemen lanskap sediaada. Penghuni di kawasan kajian juga mempunyai masalah ketidakmampuan dari segi kewangan dalam pelaksanaan lanskap di persekitaran kawasan perumahan mereka. Kekurangan peruntukkan bagi membiayai pelaksanaan penlanskapan kawasan perumahan kos rendah dari pihak penguasa tempatan, serta pihak pemaju, menyukarkan untuk menjayakan tujuan tersebut.

Berasaskan daripada masalah-masalah yang ditemui di kawasan kajian, beberapa cadangan pembaikan dan penyelesaian telah dikemukakan bagi mencapai matlamat kajian. Cadangan-cadangan tersebut berbentuk rekabentuk fizikal, strategi dan polisi penlanskapan, yang memerlukan penglibatan penghuni, pemaju dan pihak penguasa tempatan.

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Pelan	x
Senarai Lampiran	xi
Senarai Singkatkata	xii

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	Muka Surat
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	3
1.3	Tujuan Dan Objektif Kajian	5
1.4	Skop Kajian	6
1.5	Kaedah Kajian	8
	1.5.1 Kaedah Pengamatan	8
	1.5.2 Kaedah Temubual	8
	1.5.3 Kaedah Soal Selidik	8
1.6	Peringkat Kajian	10
1.7	Kawasan Kajian	12
1.8	Jadual Kerja	13

BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL

2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi dan Pengertian	16
2.2.1	Lanskap	16
2.2.2	Konsep Lanskap	17
2.2.3	Prinsip-Prinsip Lanskap	18
2.2.4	Konsep Perumahan	21
2.2.5	Perumahan Kos Rendah	22
2.2.6	Golongan Berpendapatan Rendah	23
2.2.7	Lanskap Perumahan	24
2.2.8	Konsep Lanskap Perumahan	25
2.2.9	Konsep Lanskap Perumahan Kos Rendah	26
2.3	Sejarah Lanskap Lampau	29
2.3.1	Peringkat-Peringkat Adapsi Manusia Terhadap Lanskap	30
2.3.1	Evolusi Lanskap Di Malaysia	32
2.4	Lanskap Dalam Konteks Perancangan	34
2.5	Dasar dan Polisi Kerajaan	35
2.6	Garis panduan Lanskap Negara – Penanaman Di Kawasan Perumahan.	37
2.6.1	Keperluan Ruang	38
2.6.2	Jarak Penanaman	40
2.6.3	Jenis Penanaman	41
2.6.4	Cadangan Tanaman	42
2.7	Peranan MPSA Dalam Perlaksanaan dan Pengawasan Lanskap	43
2.8	Rumusan	46

BAB 3 KAWASAN KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Had Sempadan Dan Keluasan	49
3.3	Analisis Tapak	49
3.3.1	Topografi	49
3.3.2	Iklim, Hujan Dan Angin	49
3.3.3	Gunatanah Semasa	50
3.3.4	Keadaan Fizikal Dan Lanskap Sediada	52
3.4	Latarbelakang Pembangunan & Perancangan Lanskap	60
3.5	Senario Perancangan Lanskap Di Bandar Shah Alam	61
3.6	Masalah Dan Isu	64
3.7	Penemuan	64
3.8	Rumusan	65

BAB 4 ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	67
4.2	Ciri-Ciri Penghuni	68
4.2.1	Kepadatan Ahli Rumah	68
4.2.2	Komposisi Usia Penghuni	70
4.2.3	Tujuan Penghuni Berada Di Persekitaran Kawasan Perumahan.	72
4.2.4	Jangkamasa Penghuni Berada Di Persekitaran Kawasan Perumahan	74
4.3	Pandangan & Reaksi Penghuni	76
4.3.1	Tahap Kepuasan Penghuni Terhadap Elemen- Elemen Lanskap Sediada.	76
4.3.2	Reaksi Penghuni Dalam Cadangan Meningkatkan Mutu Lanskap	78

4.4	Kemampuan Penghuni Dalam Penglibatan Perlaksanaan Lanskap	79
4.4.1	Perbezaan Pendapatan Dan Perbelanjaan	79
4.4.2	Sumbangan Kewangan Dari Penghuni	81
4.4.3	Lain-Lain Jenis Sumbangan Dari Penghuni	82
4.5	Masalah & Isu	84
4.6	Penemuan	85
4.7	Rumusan	85
 BAB 5 CADANGAN		
5.1	Pengenalan	87
5.2	Cadangan Fizikal	87
5.2.1	Pengekalan, Pembaikan & Penyusunan Semula Elemen-Elemen Lanskap	88
5.2.2	Melengkapkan Taman Dengan Perabut Taman Yang Sesuai Untuk Semua Peringkat Usia	89
5.2.3	Menlanskap Kawasan-Kawasan Lapang Yang Terbiar Kepada Rekreasi Pasif	91
5.2.4	Penyediaan Siarkaki & 'Jogging Track' Di Kawasan Lapang, Taman & Pinggir Jalan	91
5.2.5	Mewujudkan 'Enclosure' Untuk Melindungi Taman Permainan Kanak-Kanak Dari Gangguan Gelanggang Permainan Orang Dewasa	92
5.2.6	Cadangan Masa Akan Datang	93
5.3	Cadangan Kepada Penghuni	95
5.4	Cadangan Kepada MPSA	96
5.5	Cadangan Kepada Pemaju	99

5.6	Rumusan	99
	PENUTUP	101
	RUJUKAN	
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Jadual Kerja	13
Jadual 2.1	Pokok-Pokok Yang Sesuai Ditanam Di Pinggir Jalan	42
Jadual 2.2	Pokok-Pokok Di Halaman Rumah	43
Jadual 3.1	Gunatanah Semasa	51
Jadual 3.2	Jenis-Jenis Pokok Di Taman Permainan	56
Jadual 4.3	Aktiviti Penghuni Di Persekitaran Kawasan Perumahan	73
Jadual 4.4	Jangkamasa Penghuni Berada Di Persekitaran Kawasan Perumahan	75
Jadual 4.5	Tahap Kepuasan Penghuni Terhadap Elemen-Elemen Lanskap Sediada	77
Jadual 4.6	Reaksi Penghuni Dalam Cadangan Meningkatkan Mutu Lanskap	78
Jadual 4.7	Perbezaan Pendapatan Dan Perbelanjaan	80
Jadual 4.8	Kemampuan Sumbangan Kewangan Penghuni	81
Jadual 4.9	Lain-Lain Jenis Sumbangan Penghuni	83
Jadual 5.1	Pokok-Pokok Yang Sesuai Di Kawasan Taman	89
Jadual 5.2	Pokok-Pokok Adangan (Screening)	93

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Carta Alir Kajian	12
Rajah 2.1	Prinsip-Prinsip Rekabentuk Lanskap	18
Rajah 2.2	Wellwyn Garden City – 1924	28
Rajah 2.3	Penyediaan Ruang Penanaman	38
Rajah 2.4	Penyediaan Jaluran Hijau	39
Rajah 2.5	Penyediaan Zon Penampan	39
Rajah 2.6	Kombinasi Elemen Lanskap Lembut Dan Kejur Di Taman Rekreasi Kawasan Perumahan.	40

SENARAI PELAN

Pelan 3.1	Pelan Lokasi	48
Pelan 3.2	Had Sempadan Dan Keluasan	49
Pelan 3.3	Gunatanah Semasa	50
Pelan 3.4	Rekabentuk Lanskap Taman Permainan Sediada.	55
Pelan 5.1	Cadangan Rekabentuk Lanskap	93

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Borang Kaji Selidik
- Lampiran B Keratan Akhbar Berita Harian : Selangor Halang Tukar Syarat Tanah Lapang, Rekreasi.
- Lampiran C Kertas Kerja Oleh Jabatan Lanskap Negara, Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia, 1-2 Disember 1997, Johor Bahru – Perlaksanaan Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara Dan Pembangunan Lanskap.

SENARAI SINGKATKATA

JLN	Jabatan Lanskap Negara
MPSA	Majlis Perbandaran Shah Alam
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
LRMD	Low Rise Medium Density
GPLN	Garispanduan Lanskap Negara
PLPKRS17SA	Pengindahan Lanskap Perumahan Kos Rendah Seksyen 17, Shah Alam.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Memang telah lama hasrat kerajaan ingin melihat seluruh Malaysia sebagai Negara Taman. Ini terbukti dengan usaha-usaha kerajaan di dalam melancarkan program-program yang berkaitan dengan keindahan dan kebersihan seperti pelancaran program “Indah dan Bersih” pada tahun 1991 dan program “Pertandingan Halaman Cantik (lanskap)” pada tahun 1992. Selain dari itu, penubuhan Unit Lanskap di Jabatan Perancangan dan Desa Persekutuan dan kemudiannya Jabatan Lanskap Negara, menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam usaha mengindahkan negara. Adalah menjadi kepentingan kepada agensi-agensi kerajaan, khususnya penguasa tempatan untuk melaksanakan projek-projek pengindahan persekitaran di kawasan masing-masing.

Penekanan kepada usaha-usaha menghijau dan mengindahkan bandar telah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur mencapai taraf ‘Garden City Of Lights’. Negeri Terengganu juga mengikuti jejak langkah Bandaraya Kuala Lumpur dengan melancarkan program lanskap negeri secara besar-besaran pada tahun 1997 yang membabitkan peruntukan RM 16.5 juta. Sebahagian besar tumpuan program ini diberikan kepada bandar-bandar dalam Negeri Terengganu.

Dalam pembangunan bandar-bandar dan kawasan penempatan baru, pengkalan 10 peratus daripada kawasan pembangunan dikekalkan untuk tujuan penghijauan, pengindahan dan rekreasi. Pembangunan kawasan baru memerlukan keseimbangan di antara keperluan memaksimumkan keperluan keuntungan dan penggunaan tanah yang optimum dan pengkalan alam sekitar. Atas kesedaran itu, kerajaan negeri Selangor baru-baru ini telah mewujudkan satu polisi iaitu menghalang tukar syarat tanah lapang dan rekreasi untuk dibangunkan sewenang-wenangnya oleh pihak pemaju. (Berita Harian 8 november, 1997)

Terdapat juga pemaju-pemaju perumahan swasta yang telah menjadikan program penghijauan persekitaran sebagai strategi untuk peningkatan nilai hartanah mereka, sebagai contoh, Taman Country Height di Kajang, mempunyai ciri-ciri rumah dalam taman dan mencapai taraf taman perumahan mewah. Mutu rumah bukan sahaja dinilai dari mutu bangunan atau struktur tetapi juga dari segi pengkalan dan penyediaan pengindahan persekitaran di sekelilingnya.

Persekitaran perumahan golongan berpendapatan rendah juga memerlukan penghijauan dan pengindahan. Penyediaan rumah kos rendah bukan setakat membina rekabentuk rumah yang selesa dan memenuhi permintaan, tetapi disertai dengan kemudahan rekreasi dan persekitaran yang bersih dan indah. Suasana begini memberikan persepsi yang baik kepada mentaliti dan kerohanian penghuninya.

1.2 Kenyataan Masalah

Persekitaran yang tidak memuaskan di kawasan perumahan kos rendah memang tidak dinafikan. Telah menjadi kebiasaan, perumahan kos rendah digambarkan dengan keadaan persekitaran yang tidak teratur. Imej ini menjejaskan pandangan orang ramai terhadap penghuni rumah kos rendah. Masalah ini perlu diberi perhatian yang serius kerana kehidupan yang tidak selesa memberikan tekanan perasaan kepada penghuni.

Pihak pemaju amat kurang memberikan perhatian kepada persekitaran rumah kos rendah. Sering di dapati persekitaran perumahan kos rendah mempunyai masalah-masalah seperti berikut:

- 1.2.1 Persekitaran perumahan kos rendah yang kurang menarik dari segi pandangan estetik seperti kehijauan pokok-pokok dan warna-warni bunga-bunga.

Penanaman pokok-pokok yang boleh memberikan suasana kehijauan yang menyegarkan serta pokok-pokok berbunga yang menampakkan suasana keceriaan amat berkurangan di kawasan-kawasan perumahan kos rendah. Penanaman pokok-pokok tersebut memerlukan kos yang tinggi yang sukar di tampung oleh pihak-pihak berkenaan. Begitu juga dengan susunatur dan pemilihan pokok-pokok sediaada tidak menampakkan suasana harmoni dan selesa.

- 1.2.2 Kurangnya penjagaan elemen-elemen lanskap yang disediakan dipersekitaran perumahan kos rendah.

Penyelenggaraan elemen-elemen lanskap seperti pokok-pokok, siarkaki dan perabut taman tidak dilaksanakan dengan sempurna. Pokok-pokok sediada dibiarkan tanpa usaha untuk menggalakkan pembesaran, tiada pembaikan atau penggantian yang dibuat untuk perabut taman dan siarkaki yang rosak atau tidak berfungsi lagi.

- 2.2.3 Kekurangan elemen-elemen lanskap bagi menampung keperluan penghuni.

Penyediaan elemen-elemen lanskap seperti siarkaki tidak menyeluruh. Begitu juga dengan penyediaan perabut taman dan perabut jalan yang tidak mencukupi, memberikan keselesaan atau tiada langsung, bagi menampung keperluan penghuni yang ramai.

- 2.2.4 Keadaan fizikal persekitaran yang kurang bersih dan teratur.

Keadaan fizikal yang biasanya tidak mencerminkan kebersihan ialah kedudukan tong sampah di hadapan rumah dipenuhi dengan sampah yang tidak diselenggarakan dengan sempurna. Kadangkala terdapat juga barang-barang terbuang ditempatkan di persekitaran kawasan perumahan.

2.2.5 Peruntukan kewangan yang sedikit untuk pelaksanaan lanskap.

Pihak-pihak tertentu seperti pemaju dan pihak penguasa tempatan memperuntukkan kewangan yang sedikit bagi membiayai pelaksanaan lanskap di kawasan perumahan kos rendah. Peruntukan ini tidak mencukupi bagi keperluan penyediaan dan penyelenggaraan elemen-elemen lanskap.

Persekitaran yang nyaman dan harmoni bukan sahaja menyumbangkan keselesaan kepada penghuni tetapi juga membantu mengurangkan tekanan emosi. Pemaju perumahan besar yang mencatatkan keuntungan berjuta-juta ringgit setahun, seharusnya tidak melupakan tanggungjawab sosial mereka untuk membantu kerajaan menangani masalah kekurangan kualiti persekitaran perumahan kos rendah dengan lebih beriniciatif dan ikhlas.

1.3 Tujuan Dan Objektif Kajian

1.3.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penyediaan pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD bagi meningkatkan kualiti persekitaran dan keselesaan penghuni dan pengunjung serta pemeliharaan alam sekitar.

1.3.2 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang telah dikenalpasti bagi mencapai tujuan yang telah dinyatakan iaitu :

- a. Mengenalpasti tahap penyediaan elemen-elemen lanskap sediada.
- b. Mengkaji garis panduan dan polisi kerajaan dalam dari segi lanskap atau pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD.
- c. Mengetahui peranan Pihak Penguasa Tempatan terhadap pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD.
- d. Mengkaji kepekaan dan tindakbalas penghuni terhadap kepentingan pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD.
- e. Mengemukakan cadangan-cadangan dalam mempertingkatkan kualiti persekitaran perumahan kos rendah LRMD.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ialah suatu pendekatan yang lebih terperinci kepada objektif-objektif yang telah digariskan. Skop bagi kajian ini ialah :

- a. Mengenalpasti elemen-elemen lanskap lembut dan kejur dari segi penyediaan dan keberkesanan fungsinya.

- b. Mengenalpasti garispanduan dan polisi kerajaan, agensi dan pihak-pihak yang berkenaan di dalam penyediaan pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD seperti Jabatan Lanskap Negara, Pihak Penguasa Tempatan dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Jabatan Lanskap Negara bertanggungjawab menggubal dasar dan polisi kerajaan berkaitan dengan pengindahan dan penghijauan persekitaran bagi seluruh negara dalam bentuk pengawalan dan menyediakan garispanduan-garispanduan yang perlu dipatuhi.

Pihak Penguasa Tempatan dan agensi-agensi yang berkaitan bertanggungjawab dalam pelaksanaan lanskap yang lebih khusus dan terperinci.

- c. Mengenalpasti pihak-pihak yang terlibat di dalam pengurusan, penyelenggaraan, pengawalan dan pembiayaan serta penglibatan penghuni di dalam aktiviti-aktiviti pengindahan persekitaran.
- d. Mengenalpasti tanggungjawab dan cadangan masa hadapan Pihak Penguasa Tempatan di dalam mempertingkatkan tahap pengindahan persekitaran perumahan kos rendah LRMD.
- e. Menjalankan kajiselidik penghuni kawasan kajian dengan mengemukakan borang kajiselidik dan temubual.

- f. Menganalisis maklumat-maklumat yang didapati, terutamanya maklumat dari borang kajiselidik dan merumuskannya dengan cadangan-cadangan berbentuk pelan susunatur lanskap kawasan kajian dan garispanduan.

1.5 Kaedah Kajian

Pengumpulan Data Primer dibuat menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dengan mempraktikkan kaedah-kaedah pemerhatian, temuduga dan soal selidik. Sementara Data Sekunder diperolehi dari laporan, risalah, akhbar, buku, majalah dan lain-lain.

1.5.1 Kaedah pengamatan

Kaedah pengamatan ialah meninjau dan memerhati apa yang terdapat di tapak seperti elemen-elemen lanskap sediaada, aktiviti-aktiviti penghuni di luar rumah pada hari biasa dan hujung minggu serta masa aktiviti dilakukan.

1.5.2 Kaedah Temubual

Kaedah temubual ialah penyelidik menghubungi responden dan menemuduga untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Temubual dijalankan secara spontan dengan penghuni.

1.5.3 Kaedah Soal Selidik

Kaedah Soal Selidik adalah mengemukakan borang soal selidik {iaitu senarai soalan yang dicetak yang bertujuan untuk mendapatkan

maklumat} kepada responden. Dalam kajian ini, soalan-soalan soal selidik akan dibentuk kepada soalan objektif dan subjektif. Kumpulan sasaran adalah penghuni kawasan kajian. Responden-responden diambil secara rawak. Sampel akan diambil berdasarkan bilangan unit rumah iaitu 20 % daripadanya.

Berikut adalah pengertian dan definisi istilah yang digunakan didalam proses pengumpulan data :

a. Data Primer

Data primer adalah data mentah yang dikumpulkan dengan kaedah pemerhatian, temuduga berdepan dan soal selidik. Ia dilakukan oleh penyelidik sendiri yang hendak menggunakan data itu.

b. Data Sekunder

Data Sekunder ialah data yang telah disiarkan dan digunakan oleh mereka selain daripada pengumpul data sendiri. Ia diperolehi daripada rekod-rekod data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik lain, pihak kerajaan, swasta atau agensi lain.

c. Pensampelan Rawak

Suatu sampel rawak adalah sampel yang dipilih daripada suatu populasi dengan cara rambang supaya setiap unsur dalam populasi mempunyai peluang atau kesempatan yang sama untuk dipilih kedalam sampel.

1.6 Peringkat Kajian

Sebagai panduan untuk melaksanakan kajian, kaedah kajian telah digariskan dan ia terbahagi kepada beberapa peringkat supaya kajian dijalankan dengan teratur dan berkesan.

1.6.1 Peringkat pertama : Mengenalpasti isu dan masalah serta pembentukan tujuan dan objektif

Isu dan masalah dikenalpasti, seterusnya tujuan dan objektif dibentuk serta skop kajian dibuat berdasarkan kepada objektif. Skop kajian membantu di dalam peringkat kajian seterusnya.

1.6.2 Peringkat Kedua : Kajian awalan

Kajian awalan menitikberatkan pengertian dan definisi: lanskap, 'garden city' dan perumahan kos rendah. Sumber-sumber maklumat didapati dari perpustakaan, risalah, keratan akhbar dan lain-lain. Ia meliputi sejarah perancangan lanskap, 'garden city' dan perumahan kos rendah dari segi fizikal, sosial dan ekonomi. Ia menyentuh juga fungsi-fungsi lanskap kepada manusia.

Selain daripada itu, mengenalpasti badan-badan dan agensi-agensi dan mengaitkannya dengan perancangan lanskap dikawasan kajian, akan dibuat pada peringkat ini. Polisi dan dasar yang digubal dan digunakan oleh Pihak Berkuasa akan dikaji serta penghuni akan diminta pendapat